

21 JUL 2000

Jamil-Bom

BOM: POLIS JAMIN LAKUKAN YANG TERBAIK UNTUK TENTUKAN KESELAMATAN

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Polis hari ini memberi jaminan akan melakukan yang terbaik dan membuat perancangan penting bagi memastikan keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam berterusan.

Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Mohamad Jamil Johari berkata polis akan mengadakan kawalan dan menyiasat punca berlakunya beberapa kejadian letupan baru-baru ini.

"Untuk menentukan perkara begini (letupan) tidak berlaku agak sukar sikit, tapi kita (polis) boleh jamin kita akan membuat apa yang penting untuk menentukan keselamatan dalam negeri," katanya kepada pemberita di Dataran Merdeka di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas turut hadir pada upacara perasmian Bulan Pencegahan Jenayah peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang disempurnakan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Mohamad Jamil diminta mengulas tiga kejadian letupan dipercayai bom tangan yang berlaku di tiga tempat di ibu negara dan Selangor baru-baru ini, dipercayai dilakukan oleh sekumpulan antara empat hingga lima orang.

Dalam kejadian terbaru malam tadi di Dataran Klang, seorang wanita warganegara Indonesia berumur 41 tahun cedera parah dalam satu kejadian letupan dipercayai berpunca daripada sebutir bom.

Kaki wanita itu dipercayai berlubang akibat terkena serpihan batu dalam kejadian letupan yang berlaku pukul 9.30 malam tadi.

Mohamad Jamil ketika mengulas kejadian malam tadi berkata: "Kejadian letupan apa yang dipercayai bom itu masih dalam siasatan dan setakat ini kita (polis) belum ada maklumat yang boleh kita umumkan".

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam wawancara Khas Bersama Perdana Menteri yang disiarkan serentak menerusi semua saluran televisyen tempatan Rabu lepas mendedahkan bahawa sekumpulan tiga hingga lima anggota kumpulan perguruan persaudaraan ilmu dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) bersenjatakan M16-203 yang dicuri dari kem Batalion 304 Askar Wataniah di Grik, Perak, menyerang sebuah kuil dan kilang arak bagi mencetuskan huru-hara.

Dalam perkembangan lain, Mohamad Jamil meminta sesiapa yang bercadang mengadakan sebarang perhimpunan supaya memohon permit dan sekiranya perhimpunan itu diadakan juga tanpa permit maka tindakan sewajarnya akan diambil bagi memastikan keselamatan awam.

"Tanpa permit ia adalah perhimpunan haram dan sebarang perhimpunan haram adalah tidak dibenarkan...kita akan ambil tindakan sewajarnya jika ia diadakan juga," katanya.

Mohamad Jamil berkata demikian ketika diminta mengulas khabar angin kononnya anggota Parti Keadilan Malaysia (Keadilan) akan mengadakan demonstrasi pada hari keputusan mahkamah terhadap kes liwat bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim diumumkan, 4 Ogos ini.

Sementara itu ditanya mengenai permintaan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor supaya polis mengemukakan senarai nama anggota Al-Ma'unah bagi membolehkannya menyiasat sama ada mereka anggota Pas atau tidak, Mohamad Jamil berkata polis akan mengkaji permintaan itu.

"Setakat ini belum ada sebarang permintaan dikemukakan secara rasmi kepada pihak saya...kita akan kaji permintaan itu jika ia sampai (kelak)," katanya.

Perdana Menteri semalam mendedahkan bahawa 1,800 anggota kumpulan Al-Ma'unah di seluruh negara adalah terdiri daripada anggota Pas.

-- BERNAMA  
ZAI AHH zb